

Tidak adil paksa Anwar terima

Tun Mahathir calon PM

Sinar Harian - 18/6/2020

m/s: 6

KUALA LUMPUR - Tidak adil bagi mana-mana pihak memaksa Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menerima Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) yang dipertikaikan, Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai calon Perdana Menteri kesembilan.

Ketua Setiausaha Pengelola PKR, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, kekusaran itu ditambah dengan rekod Dr Mahathir dalam isu peralihan kuasa Perdana Menteri yang menimbulkan ketidaktentuan ketika Pakatan Harapan (PH) menadbir kerajaan sebelum ini.

“Setakat ini PH belum mencapai kata sepakat isu Perdana Menteri kesembilan. Justeru, tidak adil untuk memaksa Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima Tun Dr Mahathir Mohamad

sebagai calon PM kesembilan, apatah lagi dengan apa yang beliau lalui sebelum ini.

“Tambahan pula, rekod Tun Dr Mahathir dalam isu peralihan kuasa yang menimbulkan ketidaktentuan ketika PH memerintah sebelum ini,” katanya dalam satu kenyataan di laman Facebook rasmi parti itu semalam.



NIK NAZMI

Nik Nazmi berkata, pihaknya turut menegaskan calon terbaik Perdana Menteri kesembilan adalah Anwar sendiri susulan keperluan negara mahukan permulaan baharu dan kerajaan bersih.

Menurutnya, krisis politik dilalui PH selepas peristiwa Langkah Sheraton sebahagiannya berpunca daripada tindakan Dr Mahathir meletak jawatan tanpa berbincang dengan rakan-rakan PH selain keyakinan bahawa ahli-ahli Parlimen UMNO dan Pas bersamanya.

“Malaysia perlukan permulaan baru, kerajaan bersih yang fokus untuk ekonomi yang lebih adil dan saksama untuk semua rakyat.

“Calon terbaik ialah Anwar Ibrahim,” katanya.